

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)
 Hari/Tarikh: 16/11/2016
 Muka surat: 8

Tajuk : Lukisan mural tarikan terbaharu Tebingan Kuching

Lukisan mural tarikan terbaharu Tebingan Kuching

Lukisan mural 22 meter di belakang Hotel Grand Margherita dihasilkan 50 pelajar FSGK UNIMAS

KUCHING: Lukisan mural sepanjang 22 meter merupakan tarikan terbaharu Tebingan Kuching yang dijangka mampu menarik lebih ramai pengunjung sama ada dari dalam atau luar negeri.

Terletak di belakang Hotel Grand Margherita, lukisan mural itu meliputi sembilan panel. Ia menggambarkan pelbagai aspek negeri ini termasuk warisan budaya yang pelbagai, flora dan fauna dan ikon hidupan liar seperti buaya dan burung enggang.

Projek seni itu dijalankan oleh para pelajar Jabatan Visual & Teknologi, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) selepas menerima pelawaan pengurusan Tebingan Kuching di bawah Sara Urusharta Sdn Bhd iaitu sebuah unit di bawah Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC). Projek itu dilaksana dengan

“Mereka berharap orang awam dan para pelancong dapat menikmati usaha seni itu dan berharap dapat terlibat dalam lebih banyak aktiviti serta melibatkan diri dalam masyarakat.”

Mohamad Faizuan Mat
 Pensyarah FSGK UNIMAS

tujuan mempamerkan bakat seni pelajar UNIMAS dan memeriahkan lagi landskap Kuching dengan kerja-kerja seni yang unik.

Seramai 50 pelajar diketuai Pensyarah Mohamad Faizuan Mat dan beberapa pensyarah lain terlibat dalam projek itu tanpa mengira cuaca hujan atau panas.


Ia berjaya disiapkan dalam tempoh dua hari iaitu pada 5 hingga 6 November lalu.

Faizuan berkata para pelajar amat teruja kerana dapat terlibat dalam projek seni

mural itu dan mempamerkan kemahiran-kemahiran kolektif di Tebingan Kuching.

“Mereka berharap orang awam dan para pelancong dapat menikmati usaha seni itu dan berharap dapat terlibat dalam lebih banyak aktiviti serta melibatkan diri dalam masyarakat,” katanya dalam kenyataan dikeluarkan semalam.

Sementara itu, Pengurus Besar Sara Urusharta Sdn Bhd Alan Poh merakamkan penghargaan kepada para pelajar dan pensyarah atas



MENARIK: Para pelajar dan pensyarah UNIMAS yang terlibat dalam lukisan mural pada 5 dan 6 November lalu merakam kenangan secara berkumpulan di hadapan lukisan mural tersebut.

sumbangan mereka dalam mewujudkan seni tersebut.

“Ini merupakan usaha PPES dan pengurusan Te-

bingan Kuching untuk memperindahkan kawasan untuk manfaat para pengunjung.

“Kita amat bertuah kerana

dapat menyaksikan sekumpulan bakat muda mempamerkan karya artistik mereka,” katanya.

Beliau berharap dapat terus menjalin kerjasama dengan UNIMAS untuk projek-projek seterusnya.